



PESERTA bergambar kenangan.

Konvoi amal ke Pattani

Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) Terengganu dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Universiti Pattani, Thailand, Yayasan Sabah dan UnisZA Bikers mengadakan program Konvoi Amal Pattani, baru-baru ini.

Program tiga hari itu disertai 19 siswa Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UnisZA

bersama 50 penunggang motosikal berkuasa tinggi dari seluruh negara.

Pelbagai aktiviti diadakan antaranya gotong royong, membersihkan kubur, sumbangan kepada masjid Muhammadiyah, Pattani, perkhidmatan kesihatan percuma dan majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UnisZA dan Universiti Pattani.

HARLAN MERO 17/11/2014